

BAB PERTAMA

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.0. Pendahuluan

Kerangka kajian bab ini akan menghuraikan tajuk kajian, bidang kajian, objektif kajian, rasional kajian dan metodologi kajian serta pengertian tentang linguistik. Pendidikan ialah satu daya dinamik dan kecekapan sosial seseorang yang dapat dimajukan serta digembangkan. Oleh sebab pembelajaran dan pengajaran melibatkan kegiatan pelajar dan guru, teori dan amalan pendidikan mestilah menggambarkan penggunaan pengetahuan yang diperolehi secara saintifik.

Oleh yang demikian, kajian ini akan memfokuskan tentang pengajaran bahasa Arab di Ma'ahad Muhammadi dari segi definisi, matlamat, peranan, perkembangan dan teori pembelajaran dan pengajaran yang digunakan dalam sistem pendidikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) di negara kita.

1.1. Bidang kajian

Kajian ini ialah kajian sintaksis bahasa Arab. Menurut Gan Kok Siong (1991 : 25), istilah sintaksis berasal dari perkataan bahasa Yunani (*suntutein*) yang bererti susunan. Oleh itu, sintaksis diambil sebagai istilah untuk mengkaji pembentukan ayat, iaitu

bagaimana unit-unit seperti morfem, kata, frasa, klausa dan ayat yang berhubung menjadi ujaran. Dengan kata lain, frasa menjadi klausa dan ayat. Dalam kajian ini juga, diterangkan istilah bahasa, asal-usul, hubungan bahasa dalam masyarakat secara ringkas dan global sahaja.

Kajian ini akan meninjau kedudukan frasa objek dalam Bahasa Arab. Frasa dapat bahagikan kepada lima jenis iaitu;

- frasa nama
- frasa adjektif
- frasa kerja
- frasa penerang
- frasa sendi nama

Kajian ini juga akan meninjau frasa kata kerja bahasa Arab yang mempunyai objek yang lebih daripada satu dan dua objek serta amalannya. Seterusnya kajian dilakukan terhadap objek dalam bahasa Arab daripada sudut struktur bahasa Arab, kekerapan, pengekalan, pembuangan dan penguasaan pelajar terhadap objek tersebut. Bersama ini juga akan dijelaskan secara ringkas tentang teori-teori berkaitan yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

1.2. Objektif kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif yang berikut:-

1. Untuk melihat penguasaan pelajar dalam bahasa Arab terutama dalam topik frasa objek.
2. Untuk mengukuhkan penguasaan bahasa dalam sintaksis bahasa Arab. Di samping itu, pembelajaran dan pengajaran objek ini sebagai persediaan menghadapi peperiksaan dan aktiviti-aktiviti gerak kerja latihan kebahasaan sama ada secara lisan atau bertulis di dalam teks dan wacana.
3. Untuk mengenal pasti tahap kelemahan, penguasaan dan faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.
4. Mengemukakan fungsi huruf imbuhan awalan seperti alif dan hamzah (′) di awalan kata kerja tidak transitif bertukar kepada kata kerja transitif yang memberi kesan kepada perubahan makna dalam ayat.

1.3. Rasional kajian

Penguasaan frasa objek adalah amat penting supaya penutur sekunder memahami dan menguasai proses-proses pembinaan dan pembentukan sesuatu ayat terjadi dan memahami makna perkataan dalam konteks ayat serta menguasai hubungan ayat dengan makna sesuatu perkataan. Penguasaan dan kemahiran tersebut dapat membantu pelajar mengaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Perkembangan pesat teknologi maklumat yang dikenali dengan koridor raya multi media di Malaysia dijangka akan berterusan sepanjang masa selaras dengan pembangunan negara dari sudut agama, politik, ekonomi dan sosial. Kerajaan Malaysia telah memberi kepercayaan penuh kepada Dewan Bahasa dan Pustaka dalam usaha mengembangkan bahasa kepada masyarakat dan perkembangan pelajaran serta pengajaran. Antara usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ialah menterjemahkan bahan-bahan bacaan bahasa asing seperti bahasa Inggeris, Cina, Tamil, bahasa Arab dan lain-lain lagi kepada bahasa Melayu. Kajian-kajian mengenai tatabahasa, semantik, sintaksis, fonologi, fonetik dan morfologi dalam bahasa Arab di negara kita belum begitu meluas dan masih banyak permasalahan berhubung dengan perkara ini yang belum diberi perhatian serius.

Ramai di kalangan penutur sekunder menghadapi masalah dalam perkara ini. Ini menyebabkan mereka kurang mahir dan tidak memahami mesej yang hendak disampaikan oleh penutur dalam komunikasi sehala atau dua hala sama ada yang berbentuk lisan maupun tulisan seperti khutbah, ceramah, syarahan, tulisan-tulisan ayat al-Quran, hadis nabi, syair dan sebagainya yang dilambangkan dalam bahasa Arab.

Perkara ini dapat dibuktikan oleh para penemu duga Pusat Bahasa Arab Nilam Puri terhadap pelajar-pelajar sekolah ugama Arab yang ingin menyambung pelajaran mereka ke pusat pengajian tinggi di Timur Tengah. Apa yang menyediakan kita ialah terdapat pelajar cemerlang pencapaian akademik mereka tetapi mereka lemah dalam penguasaan bahasa Arab.

Antara kelemahan-kelemahan yang dapat dikesan di kalangan pelajar pada tahap ini ialah tidak mengenali objek, fleksi objek, makna semantik, peranan barisnya, bilangan objek, dan fungsi serta peranan dalam frasa ayat yang sempurna secara aktif bagi objek tersebut.

1.4. Metodologi kajian

Penulis telah menggunakan beberapa kaedah dalam pengumpulan data yang diperlukan untuk melengkapkan disertasi ini.

1.4.1 Kajian perpustakaan

Kajian perpustakaan ini dibahagikan kepada dua sumber kajian iaitu sumber primer sebagai asas kajian dan dilengkapi oleh sumber sekunder sebagai penyokong dan pembantu data nanti. Setakat ini penyelidikan yang dilakukan oleh ahli akademik tempatan mengenai bahasa Arab terlalu kurang dan tidak memadai untuk bahan rujukan. Perkara seperti ini dapat dilihat sendiri oleh

para pembaca di pusat sumber ataupun perpustakaan-perpustakaan awam, atau perpustakaan negeri, kedai-kedai buku dan sebagainya tidak begitu meluas berbanding dengan buku-buku bahasa Inggeris dan bahasa Melayu.

Oleh yang demikian, penyelidik terpaksa merujuk bahan-bahan dan penyelidikan yang dilakukan oleh penyelidik-penyalidik linguistik Timur Tengah yang muktabar.

1.4.2 Kajian melalui pemerhatian

Dalam kajian ini, penulis telah mencuba sedaya upaya menumpukan sepenuh perhatian dalam pengajaran objek dan pemerolehan pelajar terhadap frasa objek di dalam kelas. Diharapkan melalui pemerhatian ini, dapat dibuktikan pemerolehan dan kemampuan pelajar atau di sebaliknya semasa berada dalam bilik darjah ataupun di luar bilik darjah.

1.4.3 Soal selidik

Penulis menyediakan borang soal selidik untuk pelajar tingkatan 5 seramai 100 orang dari jumlah pelajar, terdiri daripada 50 pelajar lelaki dan 50 pelajar perempuan di Ma'ahad Muhammadi. Penulis menyediakan soalan-soalan dan responden hanya perlu memberi jawapan yang tepat dalam bentuk objektif dan subjektif. Masa yang diberikan ialah 45 minit.

Perkara-perkara yang diberi tumpuan ialah minat terhadap bahasa Arab, penguasaan frasa objek, fleksi objek, frasa kata kerja

ayat transitif dan ayat tak transitif serta perkara-perkara yang berkaitan dengan objek bahasa Arab.

1.5. Latar Belakang Ma'ahad Muhammadi

Ma'ahad Muhammadi merupakan institusi pendidikan pertama di Kelantan yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar. Ia ditubuhkan pada 1 April 1937 (bersamaan 20 Muharram 1356) dan telah dirasmikan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Ismail Ibni Al-Marhum Al-Sultan Muhammad IV. Bertapak di bangunan Majlis Agama Islam bersebelahan dengan masjid besar Muhammadi. Sekolah ini mempunyai pelajar seramai 75 orang sahaja.

Sebelum kemerdekaan sekolah ini mempunyai beberapa nama antaranya:

- i) Al-Madrasah Al-Muhammadiah Al-Arabiah (1937-1942)
- ii) Al-Madrasah Al-Arabiah Jame' Merbau (1942-1956)
- iii) Al-Ma'ahad Al-Muhammadi Al-Qismu Al-Arabi (1956-1973)
- iv) Al-Ma'ahad Al-Muhammadi (1974-1982)
- v) Al-Ma'ahad Muhammadi Lilbanin Wal-Lilbanat (1982)

Pada tahun 1942, sekolah ini dipindahkan ke Jalan Merbau Kota Bharu dan pada tahun 1982, pelajar lelaki dan perempuan dipisahkan sehingga sekarang. Pengetua yang pertama ialah Al-Sayyid Abu Bakar Bin Abdullah Bin Al-Atas yang berpendidikan Arab dan Ugama dari Hadramut, Saudi Arabia. (Muhammad Yunan Mahmood 1997 : 26). Pada waktu ini, sekolah Ma'ahad

Muhammadi adalah di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK).

1.6. Penutup

Sebagai kesimpulannya, kajian ini akan dapat meningkatkan penguasaan pelajar dalam pembelajaran dan memberikan manfaat kepada guru dalam pengajaran bahasa Arab pada tahap Sijil Pelajaran Malaysia. Seterusnya dapat dimanfaatkan di dalam sebarang aktiviti kemahiran dan pengukuhan membina ayat dalam penulisan dan pertuturan untuk komunikasi secara verbal atau tidak verbal. Perkara yang telah disebutkan tadi dibincangkan dalam bab yang seterusnya.